

06/04/2001

Sirim bantu bangunkan industri kraf tangan

KUALA LUMPUR, Khamis - Sirim Berhad (Sirim) akan bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan untuk membantu membangunkan industri kraf tangan secara lebih sistematik, terutama dari segi teknologi dan pengurusan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding berkata, kerjasama dalam industri itu juga dapat membantu mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan.

Katanya, ketika melawat Sabah baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendapati negeri itu mempunyai banyak barang kraftangan yang menarik.

"Bagaimanapun, barang ini tidak dikeluarkan dalam kuantiti yang banyak. Jika ini dapat ditingkatkan dan dipasarkan, sudah tentu membawa keuntungan dan boleh menjadi sumber pendapatan penduduk luar bandar," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Pemetaan Teknologi Kebangsaan Fasa Kedua di sini, hari ini.

Turut hadir Penasihat Sains Perdana Menteri, Tan Sri Ahmad Zaharudin Idrus dan Pengerusi Rundingan Industri Malaysia, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman.

Law berkata, banyak teknologi baru diperlukan untuk memajukan industri kraftangan sama ada dari segi kualiti mahupun kuantiti.

Menurutnya, ketika ini industri kraf tangan negara menghadapi masalah kualiti yang tidak konsisten, manakala kualiti pengeluaran pula tidak dapat memenuhi permintaan yang tinggi.

"Sehubungan itu, Sirim diminta mencari teknologi terkini bagi menentukan proses pembuatan barang kraf tangan lebih konsisten untuk menghasilkan produk bermutu dengan penggunaan bahan yang lebih berkualiti.

"Ini bererti kita memerlukan teknologi baru. Sebenarnya industri kraftangan tempatan boleh memanfaatkan penggunaan teknologi yang lebih baik," katanya.

Mengenai Program Pemetaan Teknologi Kebangsaan, Law berkata, ia bertujuan mengkaji semula dasar serta program sains dan teknologi negara.

Katanya, langkah itu sebagai persediaan Malaysia menghadapi cabaran dalam era globalisasi serta menjadikannya negara yang lebih kompetitif dalam semua segi.

"Menerusi program ini kita dapat menentukan langkah yang perlu diambil seperti penurunan kos pengeluaran dan meningkatkan program latihan sumber manusia selain meningkatkan tahap teknologi," katanya.

(END)